



Penjanaan Ekonomi Masjid dan Masyarakat Setempat Melalui Keusahawanan Sosial

MOHAMAD BAZLI BIN MD RADZI, MOHD ASYRAF BIN YUSOF, NAZIRAH BINTI HAMDAN,
NOOR AIN BINTI MOHD NOOR, NUR ADILAH AMIRUDDIN
mdbazli@uitm.edu.my

Abstrak

Dalam melahirkan sebuah peradaban Islam yang madani, masjid merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan yang penting dan signifikan ke arah mendokong dan merealisasikan aspirasi dalam membina sebuah peradaban yang diidamkan. Kepelbagaian peranan masjid yang mencakupi pelbagai aspek seperti kerohanian, pendidikan, pentadbiran, sosial dan ekonomi telah ditunjukkan bermula era Rasulullah SAW hingga kini. Objektif artikel ini adalah bertujuan untuk menyoroti dan menganalisis penjanaan ekonomi masjid dan masyarakat setempat melalui aktiviti keusahawanan sosial. Melalui dapatan yang diperolehi, artikel ini ingin mengangkat dan mengetengahkan peranan dan fungsi masjid dari aspek ekonomi bagi tujuan penjanaan ekonomi masjid dan masyarakat setempat. Tujuannya agar fungsi dan peranan masjid dapat diletakkan sejajar dengan peranannya untuk manfaat masyarakat Islam, khususnya dari aspek ekonomi. Pendekatan yang digunakan bagi melaksanakan kajian ini adalah secara kualitatif melalui analisa kandungan yang dianalisis secara deskriptif. Terdapat pelbagai bentuk aktiviti yang berkonsepkan perekonomian keusahawanan sosial boleh dilaksanakan berpusatkan masjid yang dapat memberi impak kepada ekonomi masjid dan masyarakat.

Kata Kunci: *Penjanaan, Keusahawanan Sosial, Masjid, Masyarakat Setempat*

Pengenalan

Masjid merupakan sebuah institusi yang penting dalam sejarah peradaban Islam. Peringkatnya fungsi dan peranan masjid terhadap masyarakat telah digambarkan dalam lipatan sejarah melalui pembinaan masjid Quba oleh Rasulullah SAW bersama para sahabat setelah ketika berhijrah dari Kota Mekah ke Madinah. Masjid merupakan sebuah institusi yang utama dan penting kepada masyarakat Islam. Ini menunjukkan signifikan peranan masjid dalam membentuk peradaban sesebuah masyarakat mencakupi aspek kerohanian, pendidikan, pembinaan sahsiah, pentadbiran, ekonomi dan sosial (Ab, Halim, 2021). Sejak negara dilanda pandemik virus Corona (COVID-19) pada tahun 2020, terdapat beberapa kesan negatif terhadap individu iaitu kehilangan sumber mata pencarian sama ada dalam bentuk pekerjaan atau perusahaan. Menurut laporan kenyataan daripada akhbar Berita Harian, 140,608 hilang kerja akibat COVID-19. Angka ini menunjukkan bilangan yang membimbangkan. Dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat saban tahun berpunca daripada peningkatan harga barangan dan perkhidmatan asas yang melambung tinggi sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada individu yang terkesan. Implikasi ketidaktentuan ekonomi yang menyebabkan berlakunya kehilangan sumber pendapatan dan peningkatan kos sara hidup yang seterusnya memberi kesan yang negatif terhadap individu dan masyarakat. Antara impak tersebut ialah, terhadap psikologi. Psikologi seseorang individu akan terjejas akibat daripada bebanan hutang dan hilang sumber mata pencarian. Kemuncak kepada permasalahan psikologi ini ialah membawa kepada perbuatan membunuh diri. Menurut KKM kadar kes bunuh diri Malaysia pada tahun 2021 meningkat 81 peratus dengan 1,142 berbanding 631 kes pada 2020. Di samping itu, dari perspektif sosial pula memberi kesan terhadap insituti kekeluargaan. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merekodkan sejumlah 45,420 kes perceraian dalam kalangan umat Islam yang telah didaftarkan di seluruh negara pada tahun 2021. Lingkungan golongan yang berumur antara 30-34 tahun mencatat angka perceraian yang tertinggi. Antara faktor berlakunya perceraian ialah kemelut permasalahan berkaitan kewangan keluarga (Hadigunawan, et. al 2023).

Terdapat beberapa kajian yang dilaksanakan berkaitan masjid di Sarawak seperti kajian Kadir, A. R. A. et al., (2023). Yusuf, N, dan Sami et. al., (2012) adalah berkaitan sejarah Perkembangan Institusi Islam di Sarawak, dan pengimarahannya di Sarawak Namun demikian, kajian adalah menjurus kepada aktiviti kerohanian sahaja. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah bertujuan meneroka strategi-strategi untuk melaksanakan aktiviti keusahawanan berpusatkan masjid dalam menjana ekonomi masjid dan masyarakat setempat. Dapatan ini dijangka dapat membantu masjid-masjid dalam memulakan aktiviti keusahawanan bagi manfaat masjid dan masyarakat setempat. Artikel ini disusun mengikut susunan secara mengikut urutan melalui perbincangan berkaitan literatur, metodologi kajian, dapatan kajian, kesimpulan dan rujukan bagi keseluruhan kajian.

Masjid Dari Aspek Perekonomian

Institusi masjid merupakan sebuah institusi yang sangat dekat dan tidak boleh dipisahkan dengan masyarakat (Ahmad & Prasetio, 2019). Pengertian masjid dalam erti kata yang sebenar adalah tidak terhad kepada tempat pelaksanaan aktiviti kerohanian sahaja seperti solat fardu secara berjemaah dan kuliah-kuliah agama. Sebaliknya, jika dilihat



peranan sebenar yang dimainkan oleh masjid mencakupi aspek yang luas. Sebagai contoh, pada zaman baginda nabi SAW masjid mempunyai peranan yang pelbagai yang menjadi nadi dan pusat kemasyarakatan. Di samping berperanan sebagai tempat pelaksanaan ibadah, antara peranan yang dibawa oleh masjid pada zaman baginda nabi SAW ialah sebagai pusat tarbiyah dan Pendidikan, pusat penntadbiran dan politik, pusat kegiatan masyarakat dan pusat kegiatan ekonomi masyarakat. Masjid mempunyai peranan yang luas mencakupi pelbagai aspek. Di samping berperanan sebagai tempat untuk melaksanakan ibadah, pelbagai bentuk kegiatan aktiviti kemasyarakatan yang berpusatkan masjid boleh dilaksanakan. Antaranya sebagai pusat pentadbiran, pendidikan, aktiviti kemasyarakatan dan pengembangan ekonomi masyarakat setempat. Masjid menjadi nadi atau tempat tumpuan dalam sesebuah masyarakat kerana kedudukan masjid yang berada berhampiran dengan sesuatu kariah dan penempatan masyarakat. Lokasi pembinaan masjid yang strategik mampu untuk menarik semua golongan bermula dari kanak-kanak sehingga ke warga emas untuk turut sama-sama mengimarahkan masjid dengan pelbagai pengisian yang bermanfaat. Oleh yang demikian, pengimarahkan masjid tidak hanya terfokus terhadap pelaksanaan dalam bentuk ibadah khusus seperti solat dan kuliah agama, akan tetapi merangkumi pelbagai aktiviti termasuk aspek ekonomi.

Ketika zaman Rasulullah SAW, masjid dilihat sebagai sebuah insitisi yang memainkan peranan yang penting dalam masyarakat (Mirwan, 2017). Masjid pada ketika itu memainkan peranan yang pelbagai. Antaranya ialah dari perspektif ekonomi. Rasulullah SAW, menubuhkan sebuah pasar Islam di Madinah berdekatan dengan masjid Nabi SAW. Peranan masjid selaku pusat pengembangan ekonomi terbukti dengan kewujudkan premis-premis perniagaan dan aktivitiaktiviti ekonomi yang dilaksanakan disekeliling masjid Quba, masjid Nabawi dan masjidil haram (Amru, 2015). Skop pengimarahkan masjid adalah luas mencakupi aspek ibadah kerohanian, pendidikan, sosial dan muamalah. Di samping menjana pendapatan masjid, pengimarahkan masjid dari aspek ekonomi dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat dari aspek penjana pendapatan dan penawaran peluang pekerjaan. Secara tidak langsung memberi impak yang positif ke arah peningkatan taraf hidup masyarakat setempat ke arah yang lebih baik. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dilaksanakan bagi tujuan pengimarahkan dari aspek ekonomi. Antaranya ialah melalui perniagaan sosial. Matlamat perniagaan sosial ialah bagi menyelesaikan permasalahan sosial atau bagi tujuan menjana hasil bagi kegunaan sosial dan tidak berkonsepkan kepada keuntungan peribadi (Suraiya & Ahmad Rafli, 2015). Masjid merupakan pemilikan bersama masyarakat Islam dan berpotensi dalam memberi manfaat kepada masyarakat khususnya masyarakat setempat. (Rb Dandy et. al, 2018). Melalui komitmen yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan masjid mampu untuk memaksimumkan peranan masjid dengan sebaik yang mungkin dan tidak terhad sebagai tempat pelaksanaan ibadah kerohanian semata-mata. Dana yang diperolehi daripada hasil sumbangan masyarakat boleh diuruskan dengan sebaik yang mungkin untuk manfaat bersama.

Menurut Suryanto, A., & Saepulloh, A. (2016) terdapat beberapa manfaat sekiranya peranan dan potensi masjid dapat dikembangkan dan diketengahkan iaitu dapat membantu pihak kerajaan dalam menangani isu berkaitan permasalahan kemiskinan. Melalui peranan yang dimainkan oleh masjid sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar kemiskinan di dalam masyarakat. Di samping itu, dapat mengurangkan perbelanjaan negara dalam melaksanakan program agenda pembasmian kemiskinan dan dapat membantu meningkatkan keupayaan ekonomi masyarakat setempat.

Bagi mendokong agenda pemerksaan masjid dari aspek perekonomian, ahli jawatankuasa yang diketuai oleh Pengerusi masjid hendaklah memainkan peranan yang penting dalam merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang selaras dengan peranan dalam memperksa masyarakat setempat. Merujuk kepada perlembagaan Malaysia jadual ke9 butiran 1 menyatakan bahawa hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam adalah tertakhluk di bawah kuasa negeri-negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Sehubungan itu, hal ehwal berkaitan dengan masjid tertakhluk di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri seperti mana yang termaktub dalam akta, enakmen atau ordinar.

Menurut Fauzan et. al (2022), terdapat 3 cara untuk menjadikan masjid sebagai pusat perekonomian. Antaranya ialah:

1. Pihak ahli jawatankuasa hendaklah mempunyai pengetahuan yang sebenar berkenaan objektif penubuhan masjid. Ini kerana masjid tidak didirikan hanya sebagai tempat untuk melaksanakan aktiviti kerohanian sahaja.
2. Ekonomi masyarakat setempat hendaklah diperksakan selaras dengan peranan dan fungsi masjid.
3. Masjid dilengkapi dengan capaian internet yang percuma. Melalui adanya capaian internet ini akan membolehkan masyarakat mendapatkan maklumat dengan mudah.

Bagi memperksa aktiviti perekonomian berpusatkan masjid, pengurusan dana masjid hendaklah diuruskan secara professional supaya dana masjid dapat dimanfaatkan sebaik yang mungkin kepada masyarakat.

Bagi melicinkan urusan pentadbiran dan pengurusan masjid, Mohd Ikhmal (2022) menyatakan bahawa pentadbiran dan pengurusan institusi masjid boleh dipecahkan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama terdiri daripada pegawai-pegawai masjid yang merupakan kakitangan masjid itu sendiri seperti imam, bilal, nazir dan siak yang mendapat pelantikan daripada pihak Jabatan Agama Islam negeri. Bagi bahagian yang kedua pula, mereka yang dilantik adalah



terdiri daripada ahli jawatankuasa masjid yang terdiri daripada Pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari dan ahli jawatankuasa yang dilantik dikalangan ahli kariah atau masyarakat setempat. Kumpulan yang kedua ini merupakan ahli yang bertanggungjawab dalam merangka dan melaksanakan aktiviti dan program pengimarah di masjid. Di samping itu mereka juga berperanan dalam menguruskan urusan berkaitan kewangan dari aspek penajaan dan perbelanjaan. Tambahan itu, pentadbiran dan kepimpinan hendaklah berkebolehan untuk melihat kedepan dalam memperkasa agenda masjid. Sekiranya ajk yang dipilih dikalangan mereka yang kurang pengetahuan terutamanya berkaitan keusahawanan, mereka akan melihat peranan masjid dari sudut pandang yang lebih sempit iaitu sebagai pusat kerohanian semata-mata. Oleh yang demikian, bagi menjayakan program keusahawanan masjid hendaklah bermula dengan pelantikan ahli jawatankuasa yang mempunyai kompetensi dan efisien. Tanpa dokongan daripada pihak jawatankuasa masjid hasrat untuk menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan ekonomi masyarakat sukar dicapai kerana ahli jawatankuasa masjid merupakan tulang belakang kepada pentadbiran dan pengurusan masjid. Oleh yang demikian adalah penting pentadbiran dan pengimarah masjid dilaksanakan oleh mereka yang mempunyai kemahiran untuk mentadbir bukan sahaja terhad kepada penganjuran dan pelaksanaan program-program berupa ceramah dan kuliah, akan tetapi menjangkau skop tersebut.

Selain itu, antara perkara yang penting dalam melaksanakan aktiviti perekonomian masjid ialah sumber dana. Melalui sumber dana yang diperolehi membolehkan aktiviti perekonomian dilaksanakan. Sebahagian daripada sumber yang diperolehi boleh dimanfaatkan bagi tujuan yang produktif yang menjurus kepada pelaksanaan aktiviti perekonomian.

Di Malaysia, terdapat beberapa buah masjid yang boleh dijadikan sebagai contoh dalam pelaksanaan aktiviti keusahawanan berpusatkan masjid. Menurut Mohd Zul (2019), Masjid alGhufran di Taman Tun Dr Ismail antara masjid yang boleh dijadikan sebagai contoh masjid yang berjaya melaksanakan program keusahawanan melalui penubuhan Kafeteria, Kiosk, dewan konferen, dewan banquet, 24 bilik hotel. Melalui ini masjid dapat menjana pendapatan melalui sewaan dan membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Di samping itu, masjid As Salam juga boleh dijadikan sebagai contoh melalui penubuhan koperasi As Salam, tadika, dewan seminar, pusat cucian kenderaan, katering, inap desa dan travel agency. Selain itu, Masjid al-taqwa Bertam Indah, Pulau Pinang merupakan antara contoh masjid dalam keusahawanan. Masjid Bertam berhasil memperolehi dana daripada penubuhan koperasi, kedai serbaneka, pusat mencuci kenderaan pusat hemodialisis, hotel, dewan seminar, kiosk, bazar Ramadan. Melalui pelaksanaan aktiviti berupa keusahawanan ini mampu untuk menjana pendapatan masjid dan juga dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat melalui peluang pekerjaan dan perniagaan.

Analisis Sorotan Literatur

1. Konsep Keusahawanan Sosial

Definisi keusahawanan sosial boleh diertikan melalui penggabungan Perusahaan perniagaan dan impak sosial (Alvord et al., (2002). Golongan usahawan akan mempraktikkan Kemahiran perniagaan dan pengetahuan mereka untuk mencipta peluang perniagaan yang dapat mencapai objektif sosial ke arah perniagaan yang berdaya saing. Di samping itu, Menurut Tan et al. (2005), usahawan sosial adalah orang yang memenuhi lima syarat berikut, iaitu (i) menggabungkan kemahiran keusahawanan untuk menyelesaikan isu masyarakat, (ii) melibatkan sama ada sebahagian atau keseluruhan komuniti yang terlibat dalam proses, aktiviti atau projek itu, (iii) aktiviti, proses atau projek yang (iv) kesan aktiviti, proses atau projek tersebut mestilah untuk masyarakat, (v) menghasilkan inovasi dan mengambil peluang. Perkara yang membezakan di antara usahawan sosial dan usahawan komersial ialah objektif dan operasi mereka. Keusahawanan sosial yang terlibat dalam lebih berorientasikan masyarakat, dan operasi yang dilaksanakan adalah berpusatkan masyarakat. Secara umumnya, menurut Greblikaite (2012), konsep keusahawanan sosial boleh dilihat melalui perspektif suatu Tindakan yang dapat memberi impak sosial dan dilaksanakan melalui pendekatan inovatif agar matlamat sosial dapat dicapai dengan lebih berkesan. Matlamat sosial yang ingin dicapai dianggap sebagai sandaran dan tunjang utama yang membezakan diantara keushawanan sosial dan keusahwanan yang lan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), komuniti atau masyarakat merupakan sekumpulan individu yang tinggal di satu Kawasan geografi yang sama melibatkan komunikasi dua hala sesama ahli, berkongsi budaya, norma dan nilai yang sama, dalam satu struktur sosial berdasarkan kepada hubungan yang telah dibina sekian lama. (KKM, 2013).

Usahawan sosial mempunyai ciri yang hampir sama sebagaimana usahawan tradisional Dimana mereka mempunyai Kemahiran berniaga. Kelebihan yang ada pada usahawan sosial ialah mereka memainkan peranan sebagai agen perubahan kepada masyarakat (Mair & Marti, 2005). Bagi seseorang usahawan sosial, mereka akan bersifat optimis di dalam mengambil peluang yang ada yang tidak disedari oleh orang lain bagi memperbaiki dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sekiranya seorang usahawan sosial berjaya membuka perniagaannya, maka beliau akan memikirkan kaedah penyelesaian bagi memperbaiki dan meningkatkan taraf dan keadaan masyarakat.



Terdapat beberapa peranan penting keusahawanan sosial terhadap masyarakat dan negara menurut Alvord et al, (2002) iaitu berupaya menghapuskan permasalahan berkaitan kemiskinan dan kelaparan yang ekstrem, memperjuangkan hak masyarakat untuk mendapatkan pendidikan asas secara menyeluruh, memperjuangkan hak sama rata dari aspek gender dan pada masa yang sama memperkasakan golongan Wanita, memeriksa sistem penjagaan kanakkanak, pendidikan dan kesihatan dalam mengurangkan angka kematian kanak-kanak, meningkatkan kesihatan golongan ibu dan meningkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar. Keusahawanan sosial perlu diwar-warkan dan dibudayakan dalam kalangan warga komuniti bagi pemerksaan ekonomi komuniti (Norasmah et. al, 2019). Bersandarkan perspektif Islam, konsep keusahawanan telah terbukti sebagai satu aktiviti yang strategik bermula zaman Rasulullah SAW dan merupakan sumber utama bagi pembangunan sosio ekonomi masyarakat dan ummah. Islam yang merupakan satu cara hidup yang lengkap amat memberi galakan kepada umatnya yang berkecimpung dalam keusahawanan agar memiliki ciri dan sifat terpuji dan tidak hanya memberi penekanan kepada keuntungan sematamata. Antare elemen yang diberi penekanan terhadap keusahawanan sosial ialah berkenaan kebajikan dan kemaslahatan komuniti.

Di samping itu, usahawan muslim turut disaran agar mempraktikkan konsep ubudiyah iaitu nilai dan ihsan yang menjadi pegangan untuk mengelak salah laku dan sentiasa berbuat baik. Usahawan sosial mempunyai ciri yang hampir sama seperti usahawan tradisional di mana mereka mempunyai kemahiran dalam membuat transformasi ke atas sesuatu perniagaan melalui kemahiran perniagaan yang dimiliki. Sumber dana yang dimiliki dan diperolehi oleh pihak masjid adalah berbeza dengan dana yang diuruskan dalam sesebuah institusi kewangan atau perbankan. Bagi institusi perbankan, dana yang diperolehi adalah melalui liability pendeposit atau penyimpanan dan daripada pemegang-pemegang saham. Manakala, dana yang diperolehi oleh pihak masjid adalah melalui kutipan dan sumbangan orang ramai dan tidak dibebani dengan sebarang liabiliti. Jika dilihat dari aspek pengurusan dana, bagi institusi kewangan seperti bank, terdapat kekangan dan risiko dalam membelanjakan wang yang ada. Sebaliknya, bagi dana masjid, tidak terikat dengan kekangan dan risiko yang dihadapi oleh pihak perbankan. Namun demikian, ini bukanlah menjadikan dana masjid boleh dibelanjakan secara semberono. Dana masjid yang diperolehi hendaklah diuruskan dengan sebaiknya demi maslahat bersama (Borhan, J. T., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. 2011).

2. Bentuk Aktiviti Keusahawanan Sosial Berpusatkan Masjid

Islam merupakan agama rahmatan lil alamin, yang secara umumnya membawa mesej Rahmah dan kasih kepada seluruh alam. Islam juga merupakan agama yang syumul mencakupi semua aspek kehidupan. Antara institusi yang menjadi tunjang kepada dakwah dan syiar Islam ialah masjid. Masjid merupakan sebuah tempat yang menjadi platform tempat berkumpulnya masyarakat daripada pelbagai latar belakang lapisan masyarakat yang bertunjangkan kepada akidah yang sama. Peranan masjid boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu sebagai pusat kerohanian dan pusat peradaban yang mencakupi aktiviti perekonomian masyarakat (Rijawani, 2017). Pemerksaan ekonomi masyarakat adalah penting dalam membantu pihak kerajaan meningkatkan taraf hidup kepada yang lebih baik (Rizqi, 2018). Dengan meningkatnya taraf hidup masyarakat, secara tidak langsung akan membantu perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat dalam melahirkan masyarakat yang madani. Peranan masjid sebagai pusat ekonomi kemasyarakatan adalah ideal kerana terletak pada lokasi yang strategik dan berdekatan dengan masyarakat. Terdapat pelbagai bentuk aktiviti perekonomian yang boleh dilaksanakan bagi memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya golongan yang memerlukan seperti golongan asnaf fakir dan miskin. Di samping itu, pihak masjid juga dapat menerima manfaat melalui penganjuran aktiviti bercirikan perekonomian bagi menampung keperluan dana masjid bagi tujuan operasi dan keperluan yang lain.

Bentuk pelaksanaan aktiviti perekonomian masjid adalah berkonsepkan kepada keusahawanan sosial di mana pelaksanaannya tidak tertumpu kepada keuntungan semata-mata (Francois, 2010) akan tetapi dilihat sebagai satu konsep yang mewakili pelbagai aktiviti bagi mewujudkan nilai sosial melalui kaedah perniagaan yang inovatif dan berbentuk penyelesaian masalah (Nur Sa'adah & Khairul, 2013). Keusahawanan sosial merupakan satu bentuk ibadah yang umum yang mampu menarik lebih ramai ahli masyarakat untuk memakmurkan diri dengan ibadah. Dana yang diperolehi daripada pelaksanaan usahawan sosial boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan aktiviti dan program pegerarahan masjid bagi tujuan meningkatkan modal insan dalam masyarakat (Mohd Ikmal, Mohd Ainnuddin, Kamarul Azman (2019). Di samping itu, menurut Hardy & Shamimi (2015), melalui keusahawanan sosial, ianya merupakan misi sosial yang berkonsepkan kebajikan dan keuntungan. Menurut Kickul dan Lynos (2012), bagi melaksanakan perniagaan sosial, komitmen organisasi adalah diperlukan dalam sesebuah organisasi bagi menjana hasil dan pulangan keuntungan. Melalui dapatan yang diperolehi, antara bentuk pelaksanaan aktiviti perekonomian ialah:



1. Sewaan Fasiliti Masjid

Masjid berupaya menjana pendapatan melalui sewaan. Pada masa kini, kebanyakan masjid yang dibina mempunyai aset-aset fizikal seperti dewan serbaguna, bilik seminar dan kawasan tanah lapang. Aset-aset yang dimiliki oleh masjid ini boleh digunakan untuk tujuan penajaan dana masjid dan masyarakat. Manfaat yang diperolehi daripada sewaan boleh dimanfaatkan melalui penajaan dana masjid dan masyarakat setempat. Ahmad Fauzi dan Muhammad Yusuf (2016), menyatakan bahawa Biro Ekonomi dan koperasi serta Koperasi Kariah Masjid AsSalam menjalan beberapa aktiviti berupa penajaan ekonomi. Antaranya melalui sewaan tapak perniagaan. Secara umumnya, masjid mempunyai aset kekal masing-masing. Dari itu, bagi memanfaatkan ruang yang ada, adalah bergantung kepada pihak pengurusan masjid untuk mengambil inisiatif daripada aset yang ada bagi memaksimumkan setiap ruang dan peluang yang ada dengan sebaik yang mungkin. Dana yang diperolehi akan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan sebagai sumber mata pencarian melalui platform ruang niaga yang disediakan. Memandangkan masjid berada di lokasi yang strategik iaitu berdekatan dan dikelilingi kawasan penempatan masyarakat, secara tidak langsung akan dapat menarik orang ramai untuk hadir ke masjid. Masjid yang mempunyai kawasan yang luas dan lapang mempunyai kelebihan untuk mewujudkan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada perniagaan. Antaranya ialah menyediakan lot tapak sewaan di kawasan tempat letak kereta masjid atau kawasan yang bersesuaian bagi tujuan pelaksanaan perniagaan secara food truck, car booth sale atau gerai jualan. Secara lazimnya, pada hari jumaat pihak JKP masjid akan membuka peluang kepada peniaga tempatan untuk berniaga dengan kadar sewaan yang minimum. Ini adalah bertepatan dengan kehadiran para jemaah yang ramai untuk menunaikan solat jumaat secara tidak langsung peluang untuk menarik lebih ramai untuk membeli barangan yang disediakan.

Di samping itu, Masjid As- Salam juga menjana pendapatan melalui sewaan dewan bagi pelbagai tujuan seperti perkahwinan, aktiviti dan pelaksanaan program. Keuntungan yang diperolehi akan dapat dinikmati oleh masyarakat setempat melalui hasil yang dipulangkan semula dalam pelbagai bentuk yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Melalui sewaan ini juga, dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat terutama golongan yang memerlukan sebagai mata pencarian.

2. Koperasi

Dalam memperkasa sosioekonomi masyarakat setempat, kerajaan telah menubuhkan Koperasi Kariah Masjid (KKM), yang mula diperkenalkan pada tahun 1990-an oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Penubuh KKM merupakan sebahagian daripada cabang koperasi kluster komuniti yang disasarkan dalam dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. Bersandarkan kepada Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan Penubuhan Koperasi (GP12), yang telah dikeluarkan oleh SKM. Melalui itu, KKM merupakan satu entiti koperasi yang bebas didaftarkan oleh mana-mana ahli kariah masjid. Namun demikian adalah tertakluk kepada pemakaian peraturan koperasi dan undang-undang kecil (UUK) yang memberi penjelasan berkaitan fungsi, keanggotaan, jumlah modal syer dan tujuan aktiviti perniagaan yang akan dilaksanakan. Keahlian dan keanggotaan KKM adalah terdiri daripada ahli Jemaah yang menetap dan tinggal di sesebuah kariah masjid. Bagi memperolehi sumber dana kewangan koperasi, kutipan boleh diperolehi daripada sumbangan modal syer, derma dan keuntungan daripada program dan aktiviti yang dijalankan.

Bagi mencapai objektif penubuhan KKM, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil, antaranya seperti berikut:

i. KKM melaksanakan pelbagai kegiatan aktiviti sosial dan ekonomi. ii. Membuka ruang dan peluang kepada ahli anggota untuk membuat kebajikan dan sumbangan amal jariah secara berterusan. iii. Membolehkan masyarakat di sesuatu kawasan kariah masjid melaksanakan aktiviti kerohanian, ibadah dan ekonomi melalui koperasi.

Terdapat dua kategori aktiviti yang dilaksanakan oleh KKM iaitu aktiviti sosial dan aktiviti ekonomi. Aktiviti sosial terdiri daripada aktiviti yang bercorak kebajikan dan perkhidmatan yang dilaksanakan adalah tidak memberi penekanan kepada elemen keuntungan semata-mata. Akan tetapi berbentuk aktiviti amal jariah seperti tahlil, khairat kematian, perkhidmatan perpustakaan dan perkhidmatan pengurusan jenazah. Sementara itu, aktiviti ekonomi pula merujuk kepada aktiviti yang boleh menjana pendapatan atau keuntungan. Antara bentuk pelaksanaan aktiviti bercirikan ekonomi ialah penganjuran kelas tuisyen, penubuhan taman asuhan kanak-kanak, perkhidmatan penyelenggaraan, kontrak pengubahsuaian bangunan atau masjid, pengurusan korban dan akikah, perkhidmatan sewaan seperti peralatan pinggan mangkuk, sewaan khemah dan bangunan san sebagainya. Di samping itu, pelaburan dalam sektor hartanah dan pertanian juga merupakan bidang yang berpotensi untuk memberi pendapatan keuntungan dan pulangan yang baik.

Penubuhan KKM di seluruh Malaysia semakin berkembang dan mendapat sokongan daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan SKM. Langkah yang diambil oleh pihak JAIN dan SKM selaku badan autoriti adalah dengan memberi saranan dan galakan kepada semua masjid untuk di setiap negeri untuk menubuhkan koperasi. Statistik yang dikeluarkan oleh SKM yang terkini setakat Jun 2021, jumlah bilangan koperasi kariah masjid yang ada di Malaysia ialah berjumlah 462 buah.



Antara objektif penubuhan koperasi kariah masjid adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan bersama di antara masjid dan masyarakat setempat yang boleh diibaratkan sebagai serampang dua mata dalam meningkatkan sosio ekonomi peserta koperasi, masyarakat setempat dan juga masjid yang terlibat (Roziyah & Nur Anizah, 2021). Di samping itu, KKM juga merupakan platform dan alternatif kepada anggota dan masyarakat setempat untuk menceburi dan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan terutamanya yang berkaitan dengan industri halal di Malaysia, dan dalam masa yang sama membantu meningkatkan taraf hidup anggota dan ahli kariah masjid. Selain itu, matlamat dan objektif sampingan penubuhan KKM ialah untuk memberi peluang kepada penduduk setempat bagi menjalankan aktiviti perniagaan kecil-kecilan bagi menjana dan meningkatkan pendapatan sama ada secara langsung atau berperanan sebagai pembekal kepada koperasi. (Muhamad Hashim, Hairulnizam & Sanep 2014). Melalui kewujudan koperasi kecil-kecilan akan membawa kepada peningkatan kepada skala yang lebih besar. Jika dilihat, pasaran industri halal di dunia amnya dan di Malaysia amnya semakin berkembang saban tahun. Pasaran global industri halal dijangka boleh mencecah USD4.96 trilion atau bersamaan RM22.34 trilion menjelang tahun 2030 berbanding pada tahun 2020 berjumlah USD2.3 trilion bersamaan RM10.28 trilion. Angka menunjukkan kenaikan hampir sekali ganda berbanding yang sebelumnya. Pertumbuhan yang meningkat naik ini adalah rentetan daripada peningkatan permintaan terhadap produk-produk yang halal oleh masyarakat di seluruh dunia. Menariknya, Malaysia merupakan sebahagian daripada negara yang mempunyai potensi besar dalam industri halal ini. Melalui peluang dan ruang yang ada ini perhatian dan langkah sewajarnya perlu diambil bagi menyambut tuntutan pasaran halal ini. (Amirah, 2023). Oleh yang demikian, melalui penganjuran KKM sedikit sebanyak dapat mengambil peluang dalam pasaran industri halal dalam menjana pendapatan ahli dan masyarakat.

Sumber dana yang diperolehi dana dimiliki oleh masjid adalah berbeza dengan dana yang diuruskan dalam institusi kewangan dan perbankan. Ini kerana peruntukan dana dalam di dalam institusi kewangan adalah dipengaruhi oleh liabiliti pendeposit atau penyimpan dan juga para penyimpan. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan sesebuah institusi kewangan berhadapan dengan kekangan dalam aspek pengurusan berkaitan perbelanjaan dan pelaburan bersesuaian dengan risiko yang dihadapi (Joni et. al, 2011). Sebaliknya, dana masjid yang diperolehi melalui kutipan, derma dan sumbangan yang diperolehi tidak dibebani dengan liabiliti kepada pihak yang menyumbang. Namun begitu, ini tidak memberi maksud dana masjid boleh dibelanjakan tanpa garis panduan dan kawalan yang sewajarnya. Di samping membelanjakan dana masjid bagi tujuan perbelanjaan kebiasaan seperti hal ehwal berkaitan kuliah agama, skop perbelanjaan dana masjid juga boleh diperluas kepada aspek dan elemen yang lain seperti pembangunan dan penjaanaan pendapatan masyarakat setempat, khususnya golongan yang memerlukan. Bagi memastikan dana masjid dimanfaatkan dengan sebaik yang mungkin, konsep koperasi boleh dilaksanakan dan diaplikasikan. Konsep koperasi ini adalah selari dan bertepatan dengan surah al-maidah ayat kedua yang menganjurkan sikap tolong menolong antara satu sama lain. Kepentingan dan impak daripada koperasi diperakui penting dalam membantu menjana pendapatan masyarakat dan meningkatkan ekonomi negara. Pihak jawatankuasa masjid boleh mengambil inisiatif melalui kewujudan koperasi ini dengan memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh pihak koperasi.

Dalam konteks penubuhan koperasi di masjid, keuntungan tidak dilihat sebagai matlamat dan fokus utama. Sebaliknya adalah bagi tujuan memberi manfaat, kebajikan dan kesejahteraan kepada masyarakat selaras dengan objektif dan matlamat penubuhan koperasi iaitu berteraskan kepada tanggungjawab sosial koperasi.

Peranan koperasi kariah masjid dilihat sangat signifikan dalam membantu mengmbangkan ekonomi masyarakat setempat. Antara contoh koperasi kariah masjid yang boleh dijadikan sebagai sandaran ialah koperasi qaryah masjid Attaqwa Taman Bertam Indah. Terdapat banyak aktiviti dan program berupa penjaanaan ekonomi yang boleh memberi manfaat kepada pihak masjid dan masyarakat. Antaranya ialah melalui penubuhan Attaqwa Inn. Melalui penubuhan Attaqwa Inn ini membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Melalui itu, masyarakat dapat menjana pendapatan melalui pekerjaan yang diperolehi. Selain itu, pihak koperasi qaryah masjid juga menyediakan tempat cuci kenderaan, kedai makan coop mart yang boleh membuka ruang pekerjaan dan perniagaan kepada masyarakat setempat.

3. Penawaran Kursus Kemahiran Insaniah

Peranan masjid tidak hanya fokus kepada kerohanian sahaja, akan tetapi mencakupi sebagai tempat bayaran dan agihan zakat serta tempat di mana orang miskin menimba dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran (Zakaria, Ammar, Rahman, & Dahlan, 2016). Bagi melahirkan modal insan yang bersifat berketerampilan dan berdaya saing, masyarakat khususnya golongan remaja dan belia perlu didedahkan dengan kemahiran-kemahiran yang dapat meningkatkan nilai tambah dalam diri. Ini disokong oleh kenyataan Saputra et. al (2021), di antara aktiviti yang dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan masyarakat di masjid Jogakariyan, Yogyakarta ialah melalui penganjuran latihan kemahiran kepada masyarakat. Oleh yang demikian, melalui penawaran kursus-kursus bersifat kemahiran adalah wajar dilaksanakan di masjid bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan berketerampilan. Terdapat pelbagai kursus



kemahiran yang boleh dilaksanakan di masjid, antaranya ialah kursus teknikal seperti kursus pemasangan dan penyelenggaraan penghawa dingin, kursus pendawaian elektrik, automotif dan sebagainya. Di samping itu, kursus kemahiran seperti pastri, jahitan, teknologi maklumat dan kursus berkaitan perniagaan boleh dilaksanakan di masjid. Bagi melancarkan perjalanan program kursus kemahiran, pihak masjid boleh melaksanakan Kerjasama dengan institusi pendidikan yang berkonsepkan teknikal seperti Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Mara dan institusi yang berkaitan sebagai tenaga pengajar. Melalui penawaran kursus seumpama ini dapat meningkatkan kemahiran masyarakat setempat dan melalui kemahiran yang diperolehi dapat dimanfaatkan dengan penjana pendapatan.

4. Bantuan Modal Perniagaan

Modal merupakan elemen yang sangat penting sebelum memulakan sesuatu perniagaan terutamanya kepada golongan pengusaha kecil. Oleh yang demikian, antara inisiatif yang boleh diambil oleh pihak pengurusan masjid adalah melalui bantuan berupa modal perniagaan. Antara contoh masjid yang boleh dijadikan sebagai sandaran ialah Masjid Al-Ikhlas di Indonesia. Pihak pengurusan masjid Al-Ikhlas telah menubuhkan Baitul Maal Al-Ikhlas bertujuan untuk menguruskan urusan berkaitan dana zakat, infaq dan sadaqah. Menurut Abdurrahman, Idaul & Rahmad (2019), antara bentuk bantuan yang diberikan ialah bantuan pinjaman modal kepada peniaga yang memerlukan, bantuan berupa pinjaman untuk pendidikan, bantuan keperluan makanan asas dan bantuan pinjaman untuk orang sakit. Selain itu, pihak masjid juga boleh berkerjasama dengan pihak bank dalam menawarkan bantuan berupa pinjaman dan suntikan modal bagi memulakan perniagaan kepada mereka yang memerlukan. Sebagai contoh yang telah dilaksanakan oleh Bank Muamalat di Indonesia. Melalui penawaran pinjaman perniagaan secara mikro, pihak Bank Muamalat Indonesia telah menawarkan sejumlah Rp 10 billion kepada peniaga kecil di Indonesia bagi melaksanakan perniagaan mereka yang berpusatkan masjid (Ardiansyah & Nafik, 2014). Melalui dana masjid yang diperolehi, sebahagiannya boleh digunakan sebagai dana produktif ke arah membantu golongan yang berkelayakan dan memerlukan melalui pinjaman secara qard hassan sebagaimana Muamalat Mikro Komuniti yang telah dilaksanakan. Namun demikian, bantuan berupa modal perniagaan perlu mempunyai garis panduan yang konkrit bersandarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan agar memberikan impak yang semaksima mungkin dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Ini bagi mengelakkan dana yang disalurkan dapat dimanfaatkan dengan sebaik yang mungkin.

5. Pertanian

Menurut Hydzulkifli, Mohd Yazid dan Noraini (2015), bagi melonjakkan ekonomi masjid antara usaha yang dilaksanakan ialah melalui aktiviti pertanian sebagaimana yang dilaksanakan oleh masjid di daerah Kubang Pasu, Kedah. Antara bentuk aktiviti pertanian yang dijalankan ialah penanaman padi, getah dan kelapa sawit. Banyak manfaat yang diperolehi daripada pelaksanaan aktiviti pertanian. Bukan sahaja pihak masjid dapat menerima manfaat daripada hasil tanaman, akan tetapi membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat untuk turut serta mengusahakan tanaman. Selain itu juga, melalui aktiviti pertanian yang dijalankan, dapat meningkatkan keberhasilan produk pertanian negara dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap produk-produk luar. Di samping itu juga, meningkatkan keterjaminan makanan agar masyarakat di Malaysia amnya dan masyarakat setempat khususnya dapat menikmati bekalan makanan yang mencukupi. Pertanian tidak semestinya dilaksanakan dengan skala dan modal yang besar. Sebagai permulaan, pihak JKP masjid juga boleh melaksanakan aktiviti pertanian secara kecil-kecil bagi memperkenalkan dan menarik minat masyarakat untuk turut serta dalam aktiviti yang dijalankan. Antara bentuk aktiviti pertanian yang boleh dimulakan ialah penanaman sayur secara hidroponik dan secara fertigasi. Kaedah penanaman menggunakan hidroponik dan fertigasi tidak memerlukan ruang dan modal yang besar.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penjana ekonomi masjid dan masyarakat setempat melalui aktiviti keusahawanan sosial merupakan sesuatu yang boleh dilaksanakan bagi manfaat pihak masjid dan masyarakat setempat. Terdapat banyak manfaat yang diperolehi daripada pelaksanaan aktiviti keusahawanan sosial. Antara manfaat yang boleh diperolehi ialah, melalui penjana dana yang diperolehi oleh masjid, pihak masjid dapat menganjurkan lebih banyak program bagi tujuan manfaat masyarakat setempat seperti program-program keilmuan, kebajikan dan pembangunan insan. Bagi komuniti pula, antara manfaat yang diperolehi ialah peluang pekerjaan dan penjana pendapatan melalui pelaksanaan aktiviti keusahawanan sosial yang dilaksanakan. Sehubungan itu, pelbagai pihak hendaklah memainkan peranan yang penting terutamanya pihak JKP masjid, masyarakat dan kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri. Adalah perlu wujudnya sinergi antara pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan penjana ekonomi berpusatkan masjid bagi manfaat masjid dan masyarakat setempat dapat dilaksanakan.



Rujukan

- Ahmad Rafli, C.O., Mohd Yahya, M.H. and Fidlizan, M. (2015). Social entrepreneurship practices among mosques in Selangor. In Mohd Faizol Ibrahim (Eds.), *Amalan Keusahawanan Islam, Konsep dan Isu Perlaksanaan* (pp. 171-184). Kuala Lumpur : Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
- Ardiansyah, H., & Nafik, M. (2014). Efektivitas Memberdayakan Ekonomi pada Program Komunitas Usaha Mikro Muamalat Berbasis Masjid di Masjid Miftahul Jannah Surabaya. *Jurnal Ekonomi Syariah Teori Dan Terapan*, 1(9), 647–660.
- Amirah Syazwani. Industri Halal Berpotensi Besar. Retrieved from <https://dewanekonomi.jendeladb.my/2023/03/20/5889/>.
- Fadzil, M. I., Lee, M. A. I., & Khamis, K. A. (2019). Keusahawanan Sosial Institusi Masjid Pemangkin Modal Insan Berkualiti. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 01-10.
- Hydzulkifli, Mohd Hashim, Noraini (2015). Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian di daerah Kubang Pasu, Kedah. *IJMS* 22 (2), 115-134.
- Muhammad Hashim Ahmad, Hairulnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2014). Koperasi Kariah Masjid: Platform Membangunkan Ekonomi Ummah di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Said, M. M., & Mahmuddin. (2015). Mosque-Based Empowerment of the Muamalat Micro Business Community in Indonesia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9(31), 464–476. Retrieved from <http://ajbasweb.com/old/ajbas/2015/September/464476.pdf>
- Saputra, E., & Agustina, D. (2021). Peran Institusi Masjid dalam Pembangunan Ekonomi Lokal: Studi Kasus pada Masjid Jogokariyan Yogyakarta. *Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 2(2), 174-195.
- Suryanto, A., & Saepulloh, A. (2016). Optimalisasi Fungsi dan Potensi Masjid: Model Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Berbasis Masjid di Kota Tasik malaya. *Iqtishoduna: Jurnal Ekonomi Islam*, 5(2), 150_176-150_176.
- Kickul J. & Lyons, T.S., (2012). *Understanding Social Entrepreneurship The Relentless Pursuit of Mission in an Ever Changing World*. New York: Routledge.
- Tamuri, A. H. (2021). Konsep dan Pelaksanaan Fungsi Masjid dalam Memartabatkan Masyarakat. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (AlMimbar)*, 1(1), 1-12
- Zakaria, Z., Ammar, M. A., Rahman, A., & Dahlan, A. (2016). Enhancing the Well-Being of Poor People through Islamic Transformation Centre, Network of Mosque, And Entrepreneurship: A Conceptual Solution. *International Journal of Computer Science and Information Technology Research*, 4(1), 36-45.